- (c) Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan Senat KUIM.
- (d) Menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

#### 6.5 Pengulangan kursus

Calon-calon dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred C-, D+ dan D sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambilkira sebagai gred akhir tanpa mengambilkira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

### 7. Peruntukan-peruntukan Lain

- 7.1 Kehadiran kuliah dan tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan oleh KUIM, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan kursus berkenaan setelah Dekan/Ketua Program dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.
- 7.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam rekod akademik.

### 7.3 Peperiksaan Ulangan Khas

- 7.3.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah.
- 7.3.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian ijazah. Gred yang diberikan hanya L atau G (Lulus atau Gagal).
- 7.3.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Bayaran yang dikenakan untuk tujuan ini ialah RM50.00.
- 7.3.4 Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan/Ketua Program yang berkenaan. Dekan/Ketua Program, setelah berunding dengan Penyelaras kursus berkenaan, hendaklah mengaturkan peperiksaan tersebut dalam tempoh dua (2) minggu.

## 8. Penggantungan Pendaftaran, Penangguhan Pengajian dan Penangguhan Peperiksaan

### 8.1 Bagi tujuan peraturan ini:

“Penggantungan pendaftaran” bermaksud kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;

“Penangguhan pengajian” bermaksud kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;

“Penangguhan peperiksaan” bermaksud kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;

“Pegawai perubatan/doktor bertauliah” bermaksud pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti; dan

“Sakit” bermaksud ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan.

## 8.2 Penggantungan Pendaftaran

8.2.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantung pendaftaran selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan dan disalinkan kepada Pendaftar.

8.2.2 Tempoh penggantungan pendaftaran tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

## 8.3 Penangguhan Peperiksaan

8.3.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan/Ketua untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan.

8.3.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.

8.3.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perkara 8.3.1 dan perkara 8.3.2 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.

8.3.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke sepuluh (10) tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan perkara 8.3.1 atau perkara 8.3.2 di atas.

8.3.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).

#### 8.4 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian

8.4.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam perkara 8.3.1, perkara 8.3.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam perkara 8.3.4 di atas tidak diambilkira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 Peraturan ini.

8.4.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam perkara 8.4.1 di atas diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 Peraturan ini.

8.4.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

#### 8.5 Status Sebagai Seorang Pelajar KUIM

Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan kebenaran untuk tidak mendaftar akan hilang tarafnya sebagai pelajar KUIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan KUIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

#### 8.6 Penangguhan Peperiksaan

8.6.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan.

8.6.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah

dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.

8.6.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan pegawai perubatan/doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam perkara 8.3.1 di atas.

## 9. Penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan

- 9.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.
- 9.2 Semua skrip akan disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 9.3 Tertakluk kepada perkara 9.4 semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga bulan seperti yang tersebut di dalam perkara 9.2 di atas.
- 9.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

## 10. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus

- 10.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Pendaftar (Bahagian Akademik). Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 10.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 10.3 Bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang

membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

- 10.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan/Ketua Program yang berkaitan. Dekan/Ketua Program selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 10.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Penyelaras Kursus, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 10.6 Perakuan Panel Pemeriksa dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti/Program. Keputusan mesyuarat Fakulti/program mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 10.7 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak boleh dilayan.

## **11. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian**

- 11.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan "Gagal dan diberhentikan" oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 11.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran sebanyak RM50.00 dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 11.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan/Ketua Program. Dekan/ Ketua Program hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.

- 11.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan/Ketua Program yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, Penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti/ Program pengajian yang berkaitan.
- 11.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
- i. Menerima atau menolak sesuatu rayuan;
  - ii. Membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;
  - iii. Memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan tidak layak dipertimbangkan.
- 11.6 Perakuan yang dibuat mengenai perkara di atas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.
- 11.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak boleh dilayan.

## 12. Umum

- 12.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat KUIM dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh penguatkuasaan Peraturan ini.
- 12.2 Senat KUIM mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peraturan ini.

# Sinopsis Kursus

---

## KURSUS-KURSUS UNIVERSITI (WU)

### UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia I

Kursus pengenalan tentang Tamadun Islam dan Tamadun Asia ini menyentuh aspek-aspek penting dalam tamadun Islam yang membawa dampak yang besar dan perubahan-perubahan mendasar terhadap cara hidup, kebudayaan serta *world-view* masyarakat Islam. Penekanan ditumpukan kepada isu-isu yang mendokong dan mencabar kehidupan bertamadun khususnya berkaitan dengan kemuliaan insan, keadilan sosial, pembangunan bersepadu dan hidup bernegara. Kertas ini juga menghuraikan tentang Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang melalui proses pembinaan negara bangsa (*nation building*) untuk mengangkat kecemerlangan tamadun Islam secara berterusan.

#### Rujukan:

Azhar Hj. Mad Aros et. al. 2001. *Tamadun Islam dan Asia (Kertas 1)*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.  
Hasnan Kasan, Nasruddin Yunos & Nazri Muslim (ed.) 2003. *Tamadun Islam dan Kenegaraan Malaysia*.

Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM

Osman Bakar. 1997. *Islam and Civilizational Dialogue*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Seyyed Hossein Nasr. 1993. *Islam and the Challenge of 21<sup>st</sup> Century*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

t.p. 2001. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

### UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia II

Kursus ini merangkumi tentang interaksi antara tamadun Islam dengan tamadun-tamadun besar Asia yang lain seperti India, China dan Jepun dan termasuklah tamadun peribumi Malaysia. Pendedahan secara 'thematic' terhadap tamadun besar Asia yang mempunyai hubungan sejarah dan budaya dengan tamadun Melayu akan mewujudkan sikap kesediaan untuk mengetahui, menghargai dan menghormati kekuatan silam. Selain daripada itu, kertas ini juga meneliti pertembungan budaya dan ciri-ciri peradaban dalam tamadun-tamadun tersebut yang memandangkan kehidupan di dunia secara ideal, penuh dengan keharmonian, keseimbangan dan keamanan sejagat.

Rujukan:

Azhar Hj. Mad Aros et. al. 2001. *Tamadun Islam dan Asia (Kertas 2)*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.  
Hilda Hookman. 1972. *A Short History of China*. Ontario: St. Martin's Press Inc.  
M. Rajendran. 1988. *Sejarah Jepun*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd.  
Romila thapar. 1996. *A History of India*. London: Penguin Books  
t.p. 2001. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

### UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat

Kursus ini memperkenalkan kaedah dan teknik dalam Teknologi Maklumat. Peranan dan dampak TM kepada organisasi-organisasi pengeluaran, spesifikasi kerja dan kemahiran. Hubungan sistem TM dengan pengurusan - sistem kewangan, sistem operasi kawalan, sistem sokongan keputusan, sistem sokongan eksekutif, sistem maklumat pengurusan, sistem pakar, sistem berasas pengetahuan dan lain-lain. Revolusi TM - semasa dan perkembangan masa depan. Penilaian TM: analisis kos dan manfaat.

Rujukan:

Daley, Bill. 2005. *Computers Are Your Future 2005*. Complete Edition, Prentice Hall.  
Duffy, T. *Microsoft Office 2000: Professional*, Brief Edition, Prentice Hall.  
Long, L. & Long, N. *Computers: Information Technology In Perspective*. 11th Edition. Prentice Hall.  
Sarah E. Hutchinson & Stacey C. Sawyer. *Computers, Communications & Information*. Seventh Edition.  
Shelly, G.B., Cashman, T.J. & Vermaat, M.E. 2000. *Microsoft Office 2000: Introductory Concepts and Techniques*, Thomson Learning.

### UTA1042 Pemikiran Kritis Dan Kreatif

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teknik berfikir yang dinamik bagi mewujudkan sikap berani mengeluarkan pendapat yang bernas dan bijak mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Ia mendedahkan pelajar kepada berfikir secara logik sebagai alat untuk menilai dalil dalam proses penghujahan. Di antara aspek yang diajar termasuk pendalilan deduktif dan induktif, teori falasi, silogisme, bahasa dan definisi, syarat cukup dan syarat perlu dan makna emotif. Aspek tersebut membolehkan pelajar membezakan antara hujahan yang baik dan hujahan yang tidak berkesan. Kursus ini juga untuk membina kebolehan menginovasi dan berfikir secara kreatif, juga

menggalakkan dan memberangsangkan keinginan pelajar-pelajar untuk sentiasa menginovasikan pengetahuan dan kepakaran dalam kursus-kursus lain dan aktiviti-aktiviti lain.

#### Rujukan

- Ruggiero, Ryan Vincent. 2004. *The Art of Thinking: A Guide To Critical and Creative Thought*. USA: Pearson Longman.
- Bassham, G., Irwin, W., Nardone, H., Wallace, J.M. 2002. *Critical Thinking: A Student's Introduction*. USA: McGraw-Hill.
- Johnson, A.P. 2000. *Up and Out: Using Creative and Critical Thinking Skills to Enhance Learning*. USA: Allyn & Bacon.
- Parness, S. 2002. *Creative Problem Solving Model*. [On-line]. Available: <http://members.ozemail.com.au>.
- Harris, R. 1998. *Introduction To Creative Thinking*. [On-line]. Available: <http://www.virtualsalt.com>.

#### **UTA1051 Pengajian Halaqah**

Kursus Ko-Kurikulum ialah Pengajian *Halaqah* yakni kajian teks bagi memahami dan mendalami kitab-kitab *turath* yang muktabar berkaitan dengan komunikasi dalam perspektif Islam. Pengajian ini dijalankan selama empat semester dan bernilai satu unit.

#### **UTA2012 Pengantar Komunikasi**

Kursus ini memperkenalkan dalam konteks apa komunikasi berlaku. Kursus ini akan membincangkan proses dan teori sebagaimana ia berlaku di dalam dan di kalangan individu, kumpulan, organisasi dan masyarakat. Ia meneroka komunikasi antara peribadi, kumpulan dan organisasi. Teknologi komunikasi, perkembangan bahasa, amalan retorik perbahasan, teori komunikasi, pembujukan, aspek komunikasi filem dan televisyen dan berkaitan.

#### Rujukan:

- Devito J.A. 1998. *Essential of Human Communication*. USA; Addison Wesley Longman.
- Cragan John F. & Wright, David W. 1999. *Communication in Small Groups*. Belmont CA: Wadsworth.
- Glanes, Gloria J., Adams, Katherine, Brihart, John K. 2000. *Communication in Groups: Application and Skills*. New York: McGraw Hill.
- Zulkiple Abd. Ghani. 2001. *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn, Bhd.

Prof. Abdullah Hassan. 2001. *Komunikasi untuk Bakal Pendakwah*. Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn, Bhd.

De Vito, Joseph A. 2006. *Human Communication: The Basic Course*. 10<sup>th</sup> Edition. Pearson Education, Inc.

## UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada konsep dan isu kualiti termasuk pengurusan dan sistem kualiti. Sejarah perkembangan dan tokoh-tokoh yang telah memajukan konsep ini turut diperkenalkan. Melalui kursus ini, para pelajar akan didedahkan kepada kepentingan kualiti dalam perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran organisasi. Prinsip, kaedah dan pelaksanaan sistem kualiti akan turut diberi penekanan. Huraian tentang sistem-sistem pengurusan kualiti antarabangsa termasuk ISO 9000 turut dilakukan.

### Rujukan:

Foster, S. T. 2004. *Managing Quality: An Integrative Approach*. Pearson Education International. (2nd Edition).

Azizan Abdullah, 2002. *Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000:2000 – Strategi Ke Arah Pensijilan*. Malaysia: Prentice Hall.

Bank, J. 2000. *The Essence of Total Quality Management*. 2<sup>nd</sup> Ed. UK: Prentice Hall

Besterfield, D.H., Besterfield-Michna, C., Besterfield, G.H & Besterfield-Sacre, M. 2003. *Total Quality Management*, USA: Prentice Hall. (3rd Edition).

Evans, J.R. & Dean, J.W.Jr. 2003. *Total Quality: Management, Organization and Strategy*. USA: Thomson South Western. (3rd Edition).

Goetsch, D. L & Davis, S. B, 2003. *Quality Management: Introduction to Total Quality Management for Production, Processing and Services*. USA: Prentice Hall. (4th Edition).

## UTA2042 Metodologi Penyelidikan (Pendekatan Sains/Teknologi)

Kursus ini akan memberi tumpuan khas kepada proses penyelidikan dari tahap awal mengenalpasti masalah kajian hingga ke tahap menginterpretasi secara menyeluruh penemuan kajian. Perbincangan mengenainya akan merangkumi tajuk-tajuk seperti falsafah dan etika penyelidikan, konsep dan unsur asas penyelidikan, reka bentuk kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data, pengujian dan pengukuran serta pemprosesan dan penganalisan data. Selain daripada itu, kaedah bagi penyediaan proposal serta laporan kajian juga akan dibincangkan.

### Rujukan:

- Creswell, J W. (2002). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage Pub.
- Gauch, H G. (2002). *Scientific Method in Practice*. Cambridge University Press.
- Moorman, T. (2002). *How to Make Your Science Project Scientific*. Revised Edition. John Wiley & Sons Inc.
- Sindermann, C J. (2001). *Winning the Games Scientists Play*. Perseus Pub.
- Collins, K. (1999). *Participatory Research: A Primer*. Prentice Hall.
- Cajal, S R; N Swonson and L Swonson. (1999). *Advice for a Young Investigator*. MIT Press.
- Leedy, Paul D. and Jeanne E. Ormrod. 2005. *Practical Research Planning and Design*. 8<sup>th</sup> Edition. Pearson Education, Inc.

### **UTA2051 Muhadathah Hurrah**

Kursus ini bertujuan memberi kemahiran berucap dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada peringkat ini kursus ini dinamakan pengucapan awam (*public speaking skill*) dan dijalankan selama dua semester serta bernilai satu unit. Perlaksanaannya dijalankan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

## **KO KURIKULUM**

### **Komponen Badan Beruniform**

#### **CBA1016 Suakarelawan Siswa Polis Di Raja Malaysia (SUKSIS)**

Kursus ini mengambil masa selama enam (6) semester dengan tempoh latihan minimum sebulan adalah sebanyak 16 jam dan maksimum 48 jam. Kursus ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu latihan akademik dan latihan luar. Latihan akademik meliputi undang-undang, bina diri dan kenegaraan manakala latihan luar terdiri daripada kawad, senjata, pertolongan cemas, khidmat masyarakat, rentas halangan, lawatan dan ujian/penilaian.

Modul kursus adalah berpandukan kepada modul yang telah ditetapkan oleh Polis DiRaja Malaysia.

### **CBA1023 Pertahanan Awam**

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada organisasi pertahanan awam, fungsi dan tugasnya semasa aman dan ketika kecemasan. Pelajar akan didedahkan kepada asas-asas pertolongan cemas, kaedah-kaedah menangani kebakaran, penggunaan tali dan tangga bagi tujuan menyelamatkan dan kawad kaki.

Modul kursus adalah berpandukan kepada modul yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

### **CBA1033 Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM)**

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar asas-asas pertolongan cemas dan kemahiran yang berkaitan dengannya termasuklah menangani kebakaran, penggunaan tali dan tangga bagi tujuan menyelamatkan dan kawad kaki.

Modul kursus adalah berpandukan kepada modul yang telah ditetapkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

## **Komponen Kebudayaan**

### **CCA1013 Teater**

Kursus peringkat ini membicarakan asal-usul drama dan teater serta hubungannya dengan kehidupan manusia dan sejarah awal. Selanjutnya, kursus ini akan menumpukan terhadap pengetahuan asas berhubung seni pentas dan seni lakon khususnya tentang dekorasi pentas, pencahayaan dan bunyi.

Kursus peringkat ini seterusnya membicarakan teknik dan gaya penulisan skrip, selain mengkaji teknik penulisan tokoh-tokoh teater terkenal seperti A. Samad Said. Pada peringkat yang lebih tinggi, kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada aspek pengarahannya serta peranan dan tugas seorang pengarah. Pelajar akan diberi peluang untuk memimpin sebuah produksi dan menjayakannya.



### Rujukan:

- Don Shiach. 1995. *From Page to Performance; a Study Book for Drama*. New York. Cambridge University Press.
- Dodd, Nigel and Winisfred Hickinson. 1993. *Drama and Theatre in Education*. London. Heinemann Press.
- Cohen, Robert and John Harrop. 1994. *Creative Play Direction*. New Jersey. Prentice- Hall. Englewood Cliffs.
- Heffner, Hubert C., Samuel Selden and Hunton D. Sellman. 1995. *Modern Theatre Practice: a Hand Book of Play Production*. 4<sup>th</sup> edition. New York. Appleton-Century-Crofts.
- Bjorkgren, Dag. 1996. *Management Strategies for the Arts Related Business*. New York. Routledge
- Hizairi Othman. 1996. *Kreativiti dalam Penciptaan Karya Sastera*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **Komponen Sukan**

### **CDA1013 Golf**

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar kemahiran dan teknik permainan golf sebagai salah satu aktiviti waktu senggang. Pelajar akan turut didedahkan kepada kaedah fisiologi senaman, pemakanan seimbang, penjagaan peralatan dan etika sebagai seorang pemain golf.

### Rujukan:

- Toam Doak, Ben Crenshaw. 1999. *The Anatomy of a Golf Course: The Art of Golf Architecture*. Burford Books.
- Chuck Hogan. 1998. *Five Days to Golfing Excellence*. Perigee Trade.
- Susan Greene, Nancy Bundorf. 1997. *The ABC's of Golf*. Excel Publishing.
- Greg Norman, Claude Harmaon. 1996. *Advanced Golf*. Tuttle Publishing.
- Robin McMillan. 1994. *365 One-Minute Golf Lessons: Quick and Easy Stroke-Saving Tips and Exercises*. HarperResource.

### **CDA1023 Renang dan Penyelamat**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar asas-asas kemahiran dan teknik berenang yang betul termasuklah membina keyakinan diri, apungan, kuak dada (*breast stroke*), menjejak air, kuak rangkak

(*front crawl/free style*), menyelam, *plunge in*, asas pertolongan cemas dan kemahiran-kemahiran lain yang bersesuaian.

Kursus ini juga bertujuan memberi pendedahan kemahiran menyelamat kelemasan di mana pengetahuan, kemahiran dan keupayaan fizikal pelajar akan diuji. Pelajar akan didedahkan kepada kemahiran renang menyelamat dan kaedah menyelamat yang berkesan, selain diperlukan untuk menunjukkan kemahiran menyelamat mengikut sukatan yang ditentukan. Kemahiran yang didedahkan termasuklah penilaian situasi kecemasan, pemulihan pernafasan, dayatahan dan kepantasan di air, menyelamat dengan menghulur pakaian dan mencampak tali, tunda silang dada dan dengan alat bantuan, tundaan dagu dan berenang di bawah permukaan air.

#### Rujukan:

- Guzman, R. J. 1998. *Swimming Drills for Every Stroke: 91 Drill for Competitive Swimmers*. Champaign, IL. Human Kinetics. Pub. Inc..
- Leonard, J. 1992. *Science of Coaching Swimming*. Champaign, IL. Leisure Press.
- Singapore Life Saving Society. 1992. *The Manual of Life Saving*.
- Thomas, D.G. 1990. *Advanced Swimming: Steps to Success*. Champaign, IL. Leisure Press.
- Paul, B. 1989. *Take Up Swimming*. Leeds. Springfield Books Ltd..

#### **CDA1033 Memanah**

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar aktiviti memanah berdasarkan kepada demonstrasi oleh jurulatih dan penglibatan pelajar sendiri. Kursus ini meliputi asas-asas memanah termasuklah pengenalan kepada kelengkapannya, teknik-teknik memanah yang betul, memanah dalam jarak 20m, 25m, 30m dan melebihi 30m.

#### Rujukan:

- Beth Habeishi, Stephanie Mallory. 2003. *Basic Essentials Archery (Basic Essentials Series)*. Falcon.
- Rick Sapp. 2003. *Archer's Digest*. 7<sup>th</sup> edition. Krause Publication.
- Kathleen M. Heywood, Catherine F. Lewis. 1996. *Archery: Steps to Success (Steps to Success Activity Series)*. Human Kinetics Publisher.
- Ray Axford. 1996. *Archery Anatomy: An Introduction to Technique for Improved Performance*. Souvenir Press Limited.
- Larry Wise, Larry Wert. 1992. *Bow and Arrow: The Comprehensive Guide to Equipment, Technique and Competition*. Stackpole Books.

## CDA1043 Boling

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar teknik yang betul untuk mencapai skor yang tinggi dalam permainan boling. Penekanan akan diberikan kepada *four step delivery*, dan *spot bowling* untuk mencapai skor sempurna. Pelajar juga akan diajar supaya memahami prinsip-prinsip fizik yang terdapat dalam sukan ini.

### Rujukan:

- Michelle Mullen. 2003. *Bowling Fundamentals (Sports Fundamental Series)*. Human Kinetics Publishers.
- Don Nace. 2002. *Bowling for Beginners: Simple Steps to Strikes and Spares*. Sterling.
- Mike Durbin, Dan Herbst. 1998. *From Gutterballs to Strikes*. McGraw-Hill.
- Doug Werner. 1995. *Bowler's Start-Up: A Beginner's Guide to Bowling (Start-Up Sports)*. Tracks Publishing.
- Dan Herbst. 1993. *Bowling 300: Top Pros Share Their Secrets to Rolling the Perfect Game*. McGraw-Hill. Contemporary.

## CDA1053 Boling Padang

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan asas dan pengalaman kepada pelajar tentang kemahiran asas sukan boling padang. Analisis pergerakan kemahiran, latihan-latihan membina dan menambah kecergasan untuk sukan ini, struktur latihan dan pertandingan, peraturan dan undang-undang serta aspek kepegawaian turut didedahkan kepada pelajar.

### Rujukan:

- Barry Salter and John Bliss. 2003. *The A to Zen of Lawn Bowls*. Sydney. Pan Macmillan.
- Bryant David. 1991. *Bryant on Bowls*. London. Pelham Books.
- Albert Newton. 1987. *Fundamentals of Lawn Bowls*. Sydney. Angus & Robertson.
- Harvey C. Maxwell. 1985. *The American Lawn Bowler's Guide*. 5<sup>th</sup> edition. California. Self Published.
- Jock Jepson. 1982. *Lawn Bowls: Winning Techniques*. New Zealand. Lansdowne Press.
- Ahmad Sarji. 2005. *Lawn Bowls in Malaysia: The President's Memoir*. Kuala Lumpur. Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.

## Latihan Industri

SFA3016 Program Bioteknologi Makanan

SKJ3016 Program Keselamatan dan Jaminan Maklumat

SRA3016 Program Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko

Pelajar dikehendaki menjalani latihan praktik selama lapan minggu berterusan semasa cuti antara semester VI dan VII. Tempat latihan merupakan institusi penyelidikan dan pengajian tinggi, dan di syarikat swasta yang mengamalkan jenis kerja yang bercorak *hands on* termasuk penyelidikan dan pembangunan. Penempatan akan ditentukan oleh penyelaras kursus walaupun pelajar boleh mendapat sendiri tempat yang sesuai. Pelajar akan diletakkan dibawah pengawasan seorang penyelia ditempat latihan dikendalikan. Penyelia ini bertanggungjawab merancang latihan yang diberi dan diakhir sesi latihan, menilai dan melaporkan kepada penyelaras kursus prestasi pelajar. Penyelaras kursus atau pensyarah yang dikenalpasti akan melawati pelajar dalam tempoh latihan untuk memastikan latihan berjalan lancar. Setelah tamat latihan, pelajar dikehendaki menulis serta menyerahkan satu laporan lengkap mengenai program latihan yang telah dijalankan, dan menyampaikan seminar tentang latihan tersebut pada Semester VII

## KURSUS TERAS FAKULTI (WF)

### Kursus Kemahiran Bahasa Arab

UBA1012 Maharat al-Qiraah

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar memahami kemahiran al- qiraah melalui teks-teks pilihan dengan penekanan kepada kemahiran membariskan petikan, alqiraat al-samitah, al-qiraah aljahriyah, latihan lisan dan kaedah al-imla' wa al-tarqim. Kemahiran al-qiraah ini disokong oleh kemahiran bahasa dan nahu dengan penekanan kepada al-nahw al-wazifi.

#### Rujukan:

Ibrahim, Abd al `Alim. 1996. *Al-Nahw al-wazifi*, Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.  
Hassan, Abbas. 1981. *Al-Nahw al-wafi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.

Al-Hamlawi, Ahmad. 1965. *Shadh al-urf*. Al-Qahirah: Maktabat wa matbaat Mustafa al- Babi al-Halabi.  
Sini, Mahmud Ismail. 1993. *Al-Qiraat al muyassarah*. Saudi Arabi: Jami'at al-Malik Su'ud.  
Petikan akhbar dan majalah Arab semasa.

### **UBA1022 Maharat al-muhadathat wa al-khatabah**

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar menguasai kemahiran al-muhadathat dan al-khatabah melalui teks-teks pilihan daripada perbualan dan dailog semasa dan latihan al-khatabah secara spontan. Topik-topik nahu dan sarf yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kursus sebelumnya.

#### Rujukan:

Sini, Mahmud Ismail. 1982. *Al-Arabiyah lil hayat*. Saudi Arabia: Jamiat al-Malik Su'ud.  
Ibrahim, Abd al-'Alim. 1996. *Al-Nahw al-wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.  
Hassan, Abbas. 1981. *Al-Nahw al-wafi*, Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.  
Al-Khatib, Muhammad Khalil. 1983. *Khutab al-Mustafa s.a.w*. Al-Qahirah: Dar al-I'tisam.  
Petikan akhbar dan majalah Arab semasa (berkenaan muhadasah dan khatabah).

### **UBA2012 Maharat al-Kitabah**

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar menguasai kemahiran menulis melalui teks-teks pilihan semasa dan turath dalam bidang penulisan al-insya', al-maqalah, al-rasail, al-taqrir, al-muzakkirah dan lain-lain dengan fokus kepada kajian gaya bahasa Arab. Topik-topik nahu dan sarf yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kemahiran bahasa dan nahu pelajar.

#### Rujukan:

Al-Qalqasyandi, Abu al-Abbas. 1987. *Subh al-'asha fi sinaat al-insya'*. Edit: Mohd. Husain Syamsuddin.  
Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.  
Sini, Mahmud Ismail. 1966. *Al-Mu'jam al-siyaqi*. Lubnan: Maktabat Lubnan.  
Mansyn, Abdul Aleem El Sayed (t.t). *Sentence dictionary english/arabic Sentence*. Cairo: Madbouuly Bookshop.  
Ibrahim, Abdul al-'Alim. 1996. *Al-Nahw al-wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.  
Sobih, Ibrahim. 1997. *Al-Lughat al-Arabiyah*. Amman: Dar al-Manahij.

## UBA2022 Maharat al-istima' wa al-fahm

Kursus ini bertujuan mengukuhkan kehamiran mendengar dan memahami di kalangan pelajar terhadap buku-buku turath dan moden, di samping itu penekanan juga diberi bagi kebolehan meringkas, menganalisa serta memberi komen secara lisan dan bertulis.

### Rujukan:

Badawi, al-Said Muhammad. 1981. *Al-kitab al-asasi*. Tunisia: al-Munazzamah al-Arabiah li al-Tarbiah wa al-Thaqafah wa al'Ulum.

Al-Hashimi, Ahmad. 1983. *Jawahir al-adab fi adabiyat wa insya' lughat al-Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Diyyf. Shauqi. 1976. *Al-Bahth al-adabi*. Misr: Dar al-Ma'arif.

Al-Sayuti, Jalaluddin (t.t). *Tarikh al-khulafa'*. Beirut: Dar al-Fikr.

Buku-buku Turath Bahasa, Sastera dan Pengajian Islam.

## Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris

### UBE 1012 Bahasa Inggeris I (Listening & Speaking)

This course focuses on the two major skills in the English Language – listening and speaking. It will provide students with essential skills for undertaking academic study through the medium of English as well as the general communicative skills. The listening component covers the higher level micro and macro skills which are needed in order to listen effectively, process information efficiently and respond appropriately in any given situation. Specific listening sub-skills include; listening for general message, listening selectively and intensively (main ideas and specific information), making inferences, and responding spontaneously to a spoken text. The speaking component focuses on a variety of speaking situations to develop a wider and subtler range of vocabulary and to continue extending students' confidence in their ability to communicate meaningfully. Specific speaking sub-skills include; extending control over the basics of speaking, requesting and providing information, expressing oneself, describing and narrating, and producing different types of speaking and interaction. Presentation skills will also be given emphasis.

### TEXT:

Collie, J. (1998). *Double Take: Language Practice (Listening and Speaking 3)*. Oxford University Press: London.

#### REFERENCES:

- Gill, M.M & P. Hartman. (2005). *Tapestry Listening & Speaking 2 (Middle East Edition)*. Thomson Heinle. United States.
- Rignall, M. & C. Furneaux. (1997). *Speaking*. Prentice Hall.

### **UBE 1022 Bahasa Inggeris II (Reading & Writing)**

This course focuses on the two major skills in the English Language – reading and writing. It will prepare students with the fundamental skills needed to embark on academic study as well as general language related skills. The reading component deals with the different reading skills used for the different reasons for reading. Specific reading sub-skills include; predicting, skimming, scanning, detailed reading, guessing meanings from contextual clues, recognizing word equivalences, and inferring extra information from textual clues. The writing component will concentrate on step-by-step process of writing rather than focusing on the end product. The writing skills highlighted can be applied to any type of writing. Specific writing processes include; brainstorming for ideas and making writing plans, writing the first draft, editing, correcting and improving first drafts, planning the layout and developing illustrations, and writing and finalizing the text.

#### TEXT:

Broukal, M. (2004). *Weaving It Together 2*. Thomson Heinle. United States.

#### REFERENCES:

- Blass, L. &M. Pike-Baky. (2005). *Tapestry Writing 2 (Middle East Edition)*. Thomson Heinle. United States.
- Ryall, M. (2005). *Tapestry Reading 2 (Middle East Edition)*. Thomson Heinle. United States.
- Malarcher, C. (2004). *Reading Advantage 2*. Thomson Heinle. United States.

### **UBE2112 English for Science and Technology I**

Objektif kursus ialah untuk memberi asas kepada pelajar supaya mereka dapat menggunakan Bahasa Ingeris dalam bidang sains khususnya yang berteraskan aliran akademik. Kursus ini juga akan membantu pelajar-pelajar dalam memahami konsep-konsep asas dan juga melengkapkan mereka dengan bahasa teknikal yang penting di dalam wacana sains dan teknologi. Ini akan dilakukan melalui aktiviti-aktiviti bahasa yang akan diintegrasikan. Kursus ini menekankan kemahiran

mendengar kuliah, mengambil nota, penulisan laporan, penulisan rumusan, pengolahan semula dan kemahiran untuk membaca teks-teks akademik.

Rujukan:

- Bassano, S and M A Christian. (1995). *Life Science: Content and Learning Strategies*. Essex. Longman.  
Greehalgh, T. (1995). *Environment Today*. Essex. Longman.  
Bolitho, A R and P L Sandler. (1994). *Study English for Science*. Essex. Longman.  
Glendinning, E H and H Beverly. (1992). *Study Reading*. Cambridge University Press.  
Huckin, T and L Olsen. (1991). *Technical Writing and Professional Communication*. McGraw Hill.

## **UBE2122 English for Science and Technology II**

Kursus ini dirangka untuk meningkatkan kefasihan dan keyakinan bertutur dalam bahasa tersebut. Kursus ini memberikan asas teori yang umum dan luas dalam komunikasi di antara insan. Ia mengandungi berbagai aktiviti-aktiviti bahasa yang mencabar dan kreatif. Ini termasuk role-play, perbincangan, simulasi dan drama. Pengajaran, disertasi dengan sesi latihan akan membuka peluang bagi pelajar untuk berinteraksi dalam suasana penggunaan bahasa yang nyata.

Rujukan:

- Ellison, K J. (1991). *How to Read and Speak Better*. The Reader's Digest Association Ltd.  
Bert, D. (1988). *The Art of Communication – Achieving Interpersonal*. Menlo Parks Crip Pub Inc.  
Jay, B; R Boardman and T Buckley. (1985). *Variety – A Workbook for Intermediate Readers*. Cambridge University Press.  
Hall, E T. (1982). *The Hidden Dimension*. Garden city. Doubleday and Co Inc.  
George, R. (1981). *The Non-Stop Discussion Workbook*. Rowley, Massachusetts Newbury House Publication Inc. Legal Profession (Practices and Etiquette) Rules 1978.

## **Kursus Teras Pengajian Islam**

### **AAA1012 Akidah Islam**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang akidah Islam mengikut keterangan al-Quran Sunnah. Ia merupakan kursus asas dan teras meliputi tajuk-tajuk seperti konsep agama Allah,

kefitrahan agama Allah, pengertian Islam, hubungan Islam dan Iman, batas-batas keimanan dan kekufuran dan konsep akidah Islam, konsep makrifah Allah (makrifah zat, sifat, nama dan af'al) konsep nubuwwah, wahyu, mukjizat, dalil-dalil kenabian; sifat-sifat dan peranan para nabi dan rasul.

Rujukan:

- Ahmad 'Izzuddin al-Bayanuniy. (1990). *Al-Kufr wa al-Mukaffirat*. Dar al-Salam.
- Sabir Tu'aymah. (1978). *Al-Aqidah wa al-Fitrah fi al-Islam*. Dar al-Jayl.
- Abdul Ghainy Abud. (1976). *Al-Aqidah al-Islamiyah wa al-Idiulujiyat al-Mu'asirah*. Dar al-Fikr al-Arabiyy
- Muhammad Abdullah Darraz. (1970). *Al-Din: Buhuth Mumahhidah li Dirasat Tarikh al-Adyan*. Dar al-Kutub.
- Al-Tahawiy Abu Ja'far Ahmad. *Sharh al-Aqidah al-Tahawiyah*. Dar al-Fikr al-Arabiyy.

### **SAA1012 Sejarah dan Falsafah Sains**

Kursus ini membincangkan asas falsafah yang mencorakkan skop perkembangan dan pembangunan ilmu dan kaedah ilmu sains itu berkembang, bagaimana ilmu sains bermula dan bagaimana ianya digunakan dalam menyelesaikan masalah semasa. Kursus ini juga menyajikan kepada para pelajar bagaimana ilmu sains dikembangkan dalam pelbagai peradaban dan hubungan ilmu sains kini dengan ilmu sains masa lalu. Pendekatan yang digunakan dalam membentangkan kursus ini adalah secara kronologi dan tematik, bermula dengan epistemologi dan kaedah sains, diikuti dengan sejarah pembangunan tamadun, tinjauan aspek etika kemasyarakatan dan budaya S&T, institusi S&T dalam negara dan dasar polisi S&T bagi tujuan pembangunan S&T dan pemindahan teknologi.

Rujukan:

- Shaharir Muhamad Zain. (2000). *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Edisi ke-2. UKM.
- Mohd Yusof Haji Othman, Baharudin Yatim, Khalijah Mohd Salleh dan Jamaludin Sulong. *Siri Wacana Sejarah dan Falsafah Sains*. Jilid 1 (1992), Jilid 2 (1993), Jilid 3 (1993), Jilid 4 (1995), Jilid 5 (1996), Jilid 6 (1997), Jilid 7 (1999), Jilid 8 (1999). DBP.
- Abdullah Yusof Ali. (1994). *Al-Qur'anul Karim. Terjemahan dan Huraian*. Diterjemahkan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady. Jilid 1-5. DBP.
- Sulaiman Nordin. (1993). *Sains, Falsafah dan Islam*. Pusat Pengajian Umum. UKM.
- Wan Fuad Wan Hassan. (1990). *Ringkasan Sejarah Sains*. DBP.

## SAA1023 Statistik: Teori dan Gunaan

Objektif utama kursus ini adalah untuk belajar dan memahami konsep statistik tanpa keliru dengan formula. Pendekatan diberikan kepada teknik menginterpretasikan data dan graf. Ia akan meliputi penghuraian statistik, pengukuran titik tengah dan taburan, regresi linear, teori kebarangkalian, pensampelan, pemboleh ubah rawak dan taburan kebarangkalian. Taburan seragam, diskret, binomial, normal, t dan khi kuasa dua akan selalu digunakan untuk memperkenalkan statistik inferens yang merangkumi ujian anggaran dan hipotesis. Perisian statistik MINITAB akan diajar dan digunakan untuk pengiraan dan memperbaiki persembahan graf.

### Rujukan:

- Triola, M F. (2005). *Essentials of Statistics*. 2<sup>nd</sup> Edition. Pearson/Addison Wesley
- Freund, J E and B M Perles. (2004). *Statistics: A First Course*. 8<sup>th</sup> Edition. Pearson/Prentice Hall.
- Chin Long Chiang. (2003). *Statistical Methods of Analysis*. World Scientific Pub.
- Monrad, D; W F Stout, E J Harner, B A Bailey, X He, L A Roussos, R Stalmarck and J Roderique. (2003). *Statistics: Concepts and Methods*. Mobius Pub Ltd.
- Brase, C H and C P Brase. (2001). *Basic Statistics: Concepts & Methods*. Houghton Mifflin Co.

## SAA2013 Teknik Pengkomputeran

Kursus ini direka untuk mengukuhkan pemahaman pelajar, kebiasaan, kemampuan penggunaan dan latihan menggunakan pelbagai pakej (Latex, Maple, Mathematica, Matlab, SAS) bagi menyelesaikan masalah kewangan yang kompleks dalam komputer dan juga dapat memproses dan menganalisis data. Pelajar dikehendaki mengambil bahagian di dalam beberapa projek semester dengan memberi penekanan kepada teknik pengurusan data dan analisis data.

### Rujukan:

- Manual Latex
- Manual Maple
- Manual Mathematica
- Manual Matlab
- Manual SAS
- Manual Minitab
- Manual S-Plus

## SAA3012 Al-Quran dan Sains

Kursus ini bertujuan menganalisis keutamaan al-Quran sebagai kitab hidayah dan petunjuk dalam pelbagai bidang kehidupan manusia. Begitu juga dihuraikan al-Quran sebagai kitab mu'jizat secara *hissi* dan *ma'nawi*. Penekanan akan diberikan kepada mentafsir dan menganalisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan sains seperti ayat-ayat *kauniyyah* dan ayat-ayat *insaniyyah*. Ayat-ayat *kauniyyah* akan ditumpukan kepada penciptaan alam semesta (*creation of the universe*) dan peraturan-peraturannya (*order in the universe*). Manakala ayat-ayat *insaniyyah* pula akan ditumpukan kepada penciptaan manusia (*creation of the human*) dan tabiatnya (*nature of the human*).

### Rujukan:

Yusuf al-Qaradawi. (1991). *Kayfa Nata'amal ma'a al-Quran al-Azim*. Dar al-Shuruq.  
Muhammad al-Ghazali. (1981). *Kayfa Nata'amal ma'a al-Quran*. Al-Ma'had al-Alami li al-Fikr al-Islami.  
Bucaille, M. (1978). *The Bible The Quran and Science*. American Trust Pub.  
Khawaja Abdul Waheed. (1967). *Islam and the Origins of Modern Sciences*. Islamic Pub Ltd.  
Hanafi Ahmad. Al-Tafsir al-Ilmi li al-Ayat al-Kauniyyah fi al-Quran. Dar al-Ma'arif bi Misr.

## SAA3022 Komunikasi Saintifik dan Ucapan

Pelajar yang mengikuti kursus ini diharapkan dapat memahami konsep asas komunikasi, jenis-jenis penulisan, kemahiran menulis dan menyunting, komunikasi lisan dan komunikasi visual. Mereka juga diharapkan mempunyai sikap ingin tahu, kebolehan mensintesis, kebolehan menerangkan dengan jitu perkara yang susah, dan kepimpinan bekerja dengan orang lain. Kuliah akan merangkumi tajuk-tajuk berikut: Ulangkaji tatabahasa Bahasa Melayu dan peristilahan sains. Penyampaian idea, seni mantik, menyusun hujah, ungkapan berimpak, perkataan jitu dan tepat. Bahasa diplomasi; bahasa mesyuarat dan berbincang, adab meminta dan memberi pendapat, bersetuju untuk tidak bersetuju, menyoal, mencadang dan kompromi, penulisan rencana; pengumpulan dan penapisan bahan, pengolahan bahan secara analitikal dan kritikal, latihan penyuntingan makalah, proses penerbitan bahan cetak.

### Rujukan:

Alley, M. (2002). *The Craft of Scientific Presentations: Critical Steps to Succeed and Critical Errors to Avoid*. Springer Verlag.  
Paradis, J G and M L Zimmerman. (2002). *The MIT Guide to Science and Engineering Communication*. 2<sup>nd</sup> Edition. MIT Press.

- Matthews, J R; J M Bowen and R W Matthews. (2001). *Successful Scientific Writing: A Step-by-step Guide for Biomedical Scientists*. 2<sup>nd</sup> Edition. Cambridge University Press.
- Friedland, A J and C L Folt. (2000). *Writing Successful Science Proposals*. Yale University Press.
- Chambers, H E. (2000). *Effective Communication Skills for Scientific and Technical Professionals*. Perseus Pub.

### SAA3032 Etika Dalam Sains dan Teknologi

Kursus ini memperkenalkan pelbagai masalah etika dan isu berkaitan dengan sains, penyelidikan saintifik, sains gunaan dan teknologi. Contohnya, apakah isu etika yang timbul hasil daripada peningkatan penggunaan komputer. Pembangunan sosio-ekonomi seimbang berbanding dengan penekoraan dan pengeksploitasian sumber semulajadi yang menjadi akar umbi isu persekitaran. Pengklonan dan kejuruteraan genetik juga telah meningkatkan isu etika. Oleh itu, kursus ini bukan sahaja memberi fokus kepada isu-isu semasa tetapi juga kepada perdebatan berlanjutan dan persoalan mendalam yang masih terus menjadi isu etika dalam sains dan teknologi. Kursus ini tidak menyediakan jawapan kepada pertanyaan isu-isu etika ini tetapi ia akan menyediakan pelajar dengan konsep dan kaedah untuk memikirkannya secara sistematik dan koheren, serta membina asas-asas pendirian mereka.

#### Rujukan:

- Baase, S. (2003). *A Gift of Fire: Social, Legal and Ethical Issues for Computers and the Internet*. 2<sup>nd</sup> Edition. Prentice Hall.
- Anderson, J G and K W Goodman. (2002). *Ethics and Information Technology*. 1<sup>st</sup> Edition. Springer Verlag.
- Donaldson, T; P H Werhane and M Cording. (2001). *Ethical Issues in Business: A Philosophical Approach*. 7<sup>th</sup> Edition. Prentice Hall.
- Seebauer, E G and R L Barry. (2000). *Fundamentals of Ethics for Scientists and Engineers*. 1<sup>st</sup> Edition. Oxford University Press.

## KURSUS TERAS PROGRAM (WP)

### A. Bioteknologi Makanan

#### SFA1012 Kimia Fizikal

Kursus ini menyentuh keadaan jirim, gas unggul dan juga gas sahah, diikuti dengan termodinamik kimia bersama konsep kerja, haba dan tenaga yang merupakan asas kepada hukum termodinamik pertama serta juga penggunaan hukum ini. Proses spontan serta topik berkaitan pengagihan tenaga, entropi, tenaga bebas Gibbs dan Helmholtz, dan fugasiti yang berkaitan dengan hukum termodinamik kedua dan ketiga akan diolah. Penggunaan hukum-hukum termodinamik yang lebih meluas dibincang dalam topik berkaitan keseimbangan fasa, keseimbangan kimia dan elektrokimia.

#### Rujukan:

Metiu, H. (2005). *Physical Chemistry*. Garland Science.

Moog, R; J N Spencer & J J Farrell. (2004). *Physical Chemistry, A Guided Inquiry: Atoms, Molecules and Spectroscopy*. Houghton Mifflin.

Silbey, R J; M G Bawendi & R A Alberty. (2004). *Physical Chemistry* 4<sup>th</sup> Edition. John Wiley & Sons Inc.

Lide, D R. (2003). *CRC Handbook of Chemistry and Physics*. 84<sup>th</sup> Edition. CRC Press.

Meiser, J H; B C Sanctuary, J H Meiser & B C Sanctuary. (2002). *Physical Chemistry*. 4<sup>th</sup> Edition. Houghton Mifflin Co.

#### SFA1022 Kalkulus

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kalkulus secara bersepadu dengan menekankan kepada kefahaman konsep, ketelitian hujah dan pembuktian, serta kebolehan menyelesaikan masalah. Konsep kalkulus satu pemboleh ubah yang telah dipelajari sebelum ini akan diitlakkan kepada kalkulus multipemboleh ubah dan kalkulus vektor. Untuk memudahkan kefahaman penekanan akan diberikan kepada fungsi dua dan tiga pemboleh ubah. Pengenalan mantik dilakukan di sepanjang masa kursus ini pada ketika dan tempat yang sesuai. Kaedah pembuktian secara langsung, secara aruhan matematik, secara kontrapositif secara percanggahan diterapkan di dalam pengajaran. Fungsi dua pemboleh ubah dan bernilai nyata dan perluasannya kepada tiga pemboleh ubah. Fungsi satu pemboleh ubah bernilai vektor. Jujukan dan penumpuan, siri dan Ujian Penumpuan. Had dan keselajaran fungsi. Pembezaan fungsi.

Rujukan:

- Hughes-Hallett, D. (2005). *Applied Calculus*. John Wiley & Sons Inc
- Cornette, J L. (2005). *Calculus for the Life Sciences a Modeling Approach*. Prentice Hall.
- Sullivan, M. (2005). *Brief Calculus: An Applied Approach*. 8<sup>th</sup> Edition. John Wiley & Sons Inc.
- Straass, M J; G L Bradley & K J Smith. 2002. *Calculus*. 3<sup>rd</sup> edition. Pearson Prentice Hall.
- Larson, R; R P Hostetler & B H Edwards. (2002). *Calculus of A Single Variable*. 7<sup>th</sup> Edition. Houghton Mifflin Company College Division.

**SFA1033 Fizik**

Kursus ini memperkenalkan prinsip asas fizik dalam bahan-bahan seperti logam, kristal, pepejal amorfos dan cecair. Pelajar juga perlu memahami perbandingan teori dan eksperimen tentang interaksi proton, elektron, proton-proton dan elektron-elektron dalam kristal dan cecair. Prinsip mekanik, gerakan gelombang, daya, cahaya, elektrik, magnet dan tenaga nuklear serta penggunaan tenaga dalam kehidupan harian juga akan dibincangkan.

Rujukan:

- Mazur, E. (2005). *Physics: Vol I*. Pearson.
- Wallace, D. C. (2003). *Statistical Physics of Crystals and Liquids: A Guide to Highly Accurate Equations of State*. World Scientific Pub Co
- Halliday, D. Resnick, R. & Walker, J. *Fundamentals of Physics*. 6<sup>th</sup> Edition. (2002). Wiley Text Books
- Halliday, D. Resnick, R. & Walker, J. (2000). *Fundamentals of Physics, Problem Supplement No. 1*. 6<sup>th</sup> Edition. Wiley Text Books
- Kuhn, K. F. (1996). *Basic Physics: A Self-Teaching Guide*. 2<sup>nd</sup> Edition. John Wiley & Sons.

**SFA1042 Kimia Organik**

Kursus ini akan membincang struktur dan pengikatan yang terlibat dalam hidrokarbon, sifat fiziknya termasuk ciri spektrum hidrokarbon untuk pengenalan dan pencaman. Sintesis dan tindakbalas beberapa jenis hidrokarbon yang akan dibincang merangkumi alkana, akena, alkuna, diena, benzena dan terbitanya. Isomerisma, stereokimia dan konformasi serta penggunaan hidrokarbon terutama sekali yang berkaitan dengan petroleum akan juga dibincang.

Rujukan:

- Morrison, R T & Boyd, R N.(2005). *Organic Chemistry*. Pearson..
- Straumanis, A. (2004). *Organic Chemistry: A Guided Inquiry*. Houghton Mifflin.
- Lehman, J W. (2004). *Microscale Operational Organic Chemistry: A Problem-Solving Approach to the Laboratory Course*. Prentice Hall.
- Corwin, C H. (2004). *Introductory Chemistry: Concepts and Connections*. 4<sup>th</sup> Edition. Prentice Hall.
- Spark Notes Editors. (2003). *Organic Chemistry I: Fundamentals (SparkCharts)*. Spark Pub.

**SFA1051 Amali Kimia I**

Kursus ini akan memberikan kemahiran kepada pelajar melakukan eksperimen yang menggabungkan aspek kimia analisis dan kimia tak organik. Teknik pentitratan, pengukuran voltametri menggunakan alat instrumentasi spektrofotometer akan didedahkan kepada pelajar.

Rujukan:

- Skoog, D A, West, D M, Holler, F J & Crouch, S R. (2004). *Fundamentals of Analytical Chemistry*. 8<sup>th</sup> edition. Thomson-Brooks/Cole.
- Szafran, Z; Pike, R M & Foster, J C. (2003). *Microscale General Chemistry Laboratory*. 2<sup>nd</sup> edition. John Wiley & Sons Inc.
- Furniss, B S, Tatchell, A R., Hannford, A.J. and Smith, P.W.G. (1989). *Vogel's Textbook of Practical Chemistry*. Addison Wesley Longman Ltd.

**SFA1061 Amali Kimia II**

Kursus ini akan memberikan kemahiran kepada pelajar yang melakukan eksperimen dalam bidang kimia fizik dan kimia organik. Aspek sintesis, pencirian, pengukuran sifat fizik sebatian dan pengekstrakan minyak dan lemak dari bahan semula jadi adalah tumpuan utama. Pendedahan dalam aspek fizik larutan campuran, pengukuran termodinamik serta kinetik juga diajar kepada pelajar.

Rujukan:

- Szfran, Z., Pike, R.M. & Foster, J.C.(2003). *Microscale General Chemistry Laboratory*, 2<sup>nd</sup> edition. John Wiley and Sons, Inc.
- Silbey, R.J. & Alberty, R.A.(2001). *Physical Chemistry*. 3<sup>rd</sup> edition., John Wiley & Sons Inc.
- Palleros, D.R.(2000). *Experimental Organic Chemistry*, John Wiley & Sons Inc.
- Landgrebe, J.A.(1982). *Theory and Practice in the Organic Laboratory*, 3<sup>rd</sup> edition. D.C.Heath and Co.

## SFA2012 Pengenalan Sains Makanan

Kursus ini menyentuh tentang sejarah dan perkembangan sains dan teknologi makanan; meliputi secara ringkas tentang topik pemprosesan makanan, pembungkusan makanan, pemakanan, kebersihan dan keselamatan makanan. Aspek inovasi dan status semasa di dalam bidang sains dan teknologi makanan juga diliputi.

### Rujukan :

- Shewfelt, R.L. (2005). *Food Science: Issues, Products, Functions and Principles*. CRC Press  
Nathan, V E. (2003). *Food Science and Food Biotechnology*. CRC Press.  
Potter, N N & J H Hotchkiss. (2003). *Food Science*. 5<sup>th</sup> Edition. AVI Pub. Inc. Westport.  
Smith, P G. (2002). *Introduction to Food Process Engineering*. Kluwer Academic Pub.  
Green, P J. (2002). *Introduction to Food Biotechnology*. 1<sup>st</sup> Edition. CRC Press.

## SFA2023 Kimia Analisis

Kursus ini menyentuh prinsip asas, teknik dan peralatan yang digunakan dalam kimia analisis. Antaranya kursus ini akan membincangkan tentang analisis kuantitatif seperti garam dan aloi. Prinsip analisis volumetrik seperti penilaian data dan sifat-sifat larutan serta teknik pemisahan kimia seperti kromatografi gas, kromatografi cecair bertekanan tinggi, kromatografi lapisan nipis, kromatografi cecair berprestasi tinggi, elektrofloresis kapilari juga akan dibincangkan.

### Rujukan:

- Gad, S.C. (2005). *Biotechnology and Analytical Development Handbook*. John Wiley & Sons Inc.  
Skoog, D. A., West, D. M., Holler, F. J., Crouch, S. R. Holler, J. F. (2003). *Fundamentals of Analytical Chemistry With Infotrac*. 8<sup>th</sup> Edition. Brooks Cole  
Christian, G. C. (2003). *Analytical Chemistry*. 6<sup>th</sup> Edition. Wiley Text Books  
Harris, D. C. (2001). *Exploring Chemical Analysis*. 2<sup>nd</sup> Edition. W.H. Freeman & Co.  
Skoog, D. A., West, D. M., Holler, F. J., Crouch, S. R. & Holler, J. (1999). *Analytical Chemistry: An Introduction*. 7<sup>th</sup> Edition. Brooks Cole

## SFA2031 Amali Biologi Sel dan Genetik

Tujuan amali biologi sel ini adalah untuk menerangkan konsep-konsep asas dan untuk mengunapakai teknik-teknik minimal bagi kajian sel. Teknik penggunaan mikroskop secara betul akan diajar. Struktur dan fungsi komponen-komponen sel hidup akan diberi tumpuan. Amali-amali mitosis dan *karyotyping* (kromoson dipekatkan secara kimia semasa metafasa – boleh dikenalpasti, dikira dan diperiksa), serta meiosis dan *nondisjunction* (kegagalan kromotid berpisah secara betul) akan dilakukan. Beberapa ketidaktertiban *nondisjunction* yang lazim seperti Trisomy, Sindrom Turner, Sindrom X berganda tiga, Sindrom Klinefelter, Sindrom Down, dan Sindrom Jacob akan dibincang. Tujuan amali genetik ini adalah untuk memajukan pelajar memperoleh pengalaman bagi menjalankan analisis dengan keadah genetik. Dalam amali ini, kita akan guna dua daripada organisma (lalat buah, *Drosophila melanogaster* dan jagung) yang ada kepentingan asas bagi pembentukan kefahaman kita terhadap prinsip-prinsip genetik. Amali ini juga termasuk genetik manusia dan genetik populasi. Laporan amali adalah diperlukan.

### Rujukan:

- Alberts, B., A. Johnson, J. Lewis, M. Raff, K. Roberts and P. Walter. (2002). *Molecular Biology of Cell* 4<sup>th</sup> Edition. Garland Science. Taylor & Francis Group.
- Alberts, B., D. Bray, K. Hopkin, A. Johnson, J. Lewis, M. Raff, K. Roberts and P. Walter. (2003). *Essential Cell Biology* 2<sup>nd</sup> Edition. Garland Science. Taylor & Francis Group.
- Becker, W.M., L.J. Kleinsmith and J. Harding. (2002). *World of the Cell* 5<sup>th</sup> edition. Pearson Education, Inc. Benjamin Cummings Publication
- Klug, W.S., and M.R. Cummings. (2003). *Concepts of Genetics* 7<sup>th</sup> Edition. Pearson Education. Inc, New Jersey 07458.
- Russell, P.J. (2002). *iGenetics*. Pearson Education, Inc. Benjamin Cummings Publication.
- Tamarin, R.H. (2002). *Principles of Genetics* 7<sup>th</sup> Edition. McGraw-Hill Companies, Inc.

## SFA2042 Biologi Sel

Kursus ini meliputi topik termasuk organisasi sel mikroorganisma, haiwan dan tumbuhan; struktur, fungsi dan replikasi bahan genetik, hubungan bahan tersebut dengan protein dan kepentingan dalam bioteknologi, struktur, bentuk aktif dan fungsi biomolekul mikro seperti vitamin, kofaktor, hormon dan lain-lain.

Rujukan:

- D. Rickwood, D. (2005). *Cell Biology Techniques*. John Wiley and Sons Ltd
- Karp, G. (2005). *Cell and Molecular Biology: Concepts and Experiments*. 4<sup>th</sup> Edition. John Wiley & Sons Inc.
- Lodish, H F. (2003). *Molecular Cell Biology*. 5<sup>th</sup> Edition. WH Freeman & Co.
- Alberts, B; K Roberts, J Lewis, M Raff and K Hopkin. (2003). *Essential Cell Biology*. Garland Science/Taylor & Francis Group.
- Gartner, L P; J L Hiatt and J M S Lippincott. (2003). *Cell Biology and Histology*. 4<sup>th</sup> Edition. Williams & Wilkins.

**SFA2052 Genetik**

Kursus ini membincang asid nukleik, protein, replikasi, transkripsi dan translasi serta teknologi rekombinan DNA. Prinsip-prinsip pewarisan dan Hukum Mendel; saling tindak antara gen, saling tindak gen dan persekitaran, penentuan seks, pewarisan berkaitan seks, gen berangkai dan pemetaan kromosom, aberasi kromosom, pewarisan sitoplasma, poligen dan pewarisan kuantatif, biakbaka dalam dan heterosis, genetik populasi dan evolusi juga diolah.

Rujukan:

- Snustad, D.P. & Simmons, M.J. (2005). *Principles of Genetics*. 3<sup>rd</sup> Edition. John Wiley & Sons.
- Burt, A. & Trivers, R. (2005). *Genes in Conflict : The Biology of Selfish Genetic Elements*. Belknap Press
- Cummings, M R. (2003). *Human Heredity: Principles and Issues*. 6<sup>th</sup> Edition. Brooks Cole-Thomson Learning.
- Klug, W S and M R Cummings. (2003). *Concepts of Genetics*. 7<sup>th</sup> Edition. Prentice Hall.
- Russel, P. (2003). *iGenetics*. 7<sup>th</sup> Edition. Haper Collins Pub.

**SFA2063 Makanan dan Kimia Makanan**

Kursus ini merangkumi ciri-ciri kimia dan fizikal komponen makanan seperti air, protein, karbohidrat, serat dietari, lipid, vitamin, galian, pigmen, perisa, enzim, bahan tambah makanan, bahan toksik semula jadi dan bahan cemar. Perkaitan di antara struktur dan kefungsiian komponen-komponen tersebut dalam makanan akan juga dibincangkan.

Rujukan:

- Shahidi, F. & Weenan, H. (2005). *Chemistry, Flavor, And Texture Of Lipid-containing Foods* (Acs Symposium Series). American Chemical Society
- Schieberle, P; H D Belitz and W Grosch. (2004). *Food Chemistry*. 3rd Edition. Springer Verlag.
- Weaver, C M and J Daniel. (2003). *The Food Chemistry Laboratory*. 2nd Edition. CRC Press.
- Walstra, P. (2003). *Physical Chemistry of Foods*. (Food Science and Technology, vol 121). Marcel Dekker.
- Belitz, H D; B R Funke and C L Case. (2003). *Microbiology: An Introduction*. 8th Edition. Benjamin/Cumming.

**SFA2073 Biokimia**

Kursus ini membincang metabolisme karbohidrat, lipid dan protein serta integrasi metabolisme tenaga. Peranan hormon dalam metabolisme juga diketengahkan. Mekanisme pemfosfatan oksidaan serta fotopemfosfatan akan dibincang dengan mendalam. Teori pemfosfatan oksidaan dibincang dalam mekanisma penjaanaan tenaga ATP dan dibandingkan dalam sistem tumbuhan, iaitu mekanisma pemfosfatan. Perbincangan tajuk enzim meliputi mekanisma pemangkinan serta perencatan dalam kinetik uni-subtrat.

Rujukan:

- Matha, H. & Stipanuk, P.D. (2005). *Biochemical Physiological Aspects Of Human Nutrition*. B Saunders Co
- Voet, D and J G Voet. (2004). *Biochemistry (Volume 2): The Expression and Transmission of Genetic Information*. 3<sup>rd</sup> Edition. Wiley, John & Sons Inc.
- Wilcox, R B. (2003). *High-Yield Biochemistry (High-Yield Series)*. 2<sup>nd</sup> Edition. Lippincott Williams & Wilkins.
- Murray, R K; D K Granner, P A Mayes and V W Rodwell. (2003). *Harper's Illustrated BioChemistry*. 26<sup>th</sup> Edition. McGraw Hill.
- Horton, H; L Moran, R Ochs, D Rawn and K Scrimgeour. (2002). *Principles of Biochemistry*. 3<sup>rd</sup> Edition. Prentice Hall.

**SFA3013 Mikrobiologi**

Kursus ini memberi landasan asas kepada pemahaman struktur dan proses hidup mikroorganisma

yang mempengaruhi kualiti hidup sejagat. Perbincangan meliputi kepelbagaian, bentuk fungsi dan sistem genetik prokariot, mikrobiologi persekitaran dan evolusi probiotik. Latihan amali mendedahkan kepada kepelbagaian ciri pelbagai kumpulan mikroorganisma.

Rujukan:

- Black, J.G. (2005). *Microbiology*. John Wiley & Sons.  
Black, J G. (2004). *Microbiology: Principles and Explorations*. Prentice Hall.  
Prescott, L; J Harley and D Klein. (2004). *Microbiology*. Prentice Hall.  
Talaro, K P. (2004). *Foundations in Microbiology*. McGraw Hill.  
Tortura, G J; B R Funke and C L Case. (2003). *Microbiology: An Introduction*. 8th Edition. Addison Wesley.

### SFA3023 Analisis Makanan

Kursus ini merangkumi aplikasi analisis kualitatif dan kuantitatif yang digunakan di dalam pengujian fizikal, kimia dan peralatan produk makanan. Penekanan diberikan kepada kaedah dan interpretasi keputusan. Selain untuk mengenalpasti prinsip, tujuan dan aplikasi teknik terhadap bahan kimia dan analisis peralatan pembuatan makanan, ia juga mengenalpasti kaedah yang paling sesuai untuk menganalisis produk makanan. Kursus ini juga membekalkan pengalaman mengendalikan bahan kimia dan perkakasan makmal kepada pelajar.

Rujukan:

- Tech Office of Technology Assessment. (2005). *Emerging Food Marketing Technologies: A Preliminary Analysis*. University Press of the Pacific  
Read, P.P and S S Nielsen. (2003). *Food Analysis*. Kluwer Academic Pub.  
Nielsen, S S. (2003). *Food Analysis Laboratory Manual*. Kluwer Academic Pub.  
Nielsen, S S and P P Read. (2003). *Food Analysis*. 3<sup>rd</sup> Edition. Plenum Press.  
Reischl, U; C Witter and F Cockerill. (2002). *Rapid Cycle Real Time Per Method and Application: Microbiology and Food Analysis*. Springer Verlag.

### SFA3033 Biologi Molekul

Kursus ini meliputi topik mengenai struktur dan sifat-sifat asid amino, protein, enzim dan faktor-

faktor yang mempengaruhi aktiviti enzim; struktur dan metabolisme (anabolisme dan katabolisme) karbohidrat (terutamanya glukosa), protein, lipid termasuk asid lemak dan lain-lain, sintesis tenaga setara dalam sel; definisi, pengelasan, sifat-sifat dan kinetik enzim.

Rujukan:

Tropp, B.E. & Freifelder, D. (2005). *Molecular Biology: Genes to Proteins*. Jones & Bartlett Publishers

Weaver, R. (2004). *Molecular Biology*. McGraw Hill.

Lodish, H F. (2003). *Molecular Cell Biology*. 5<sup>th</sup> Edition. WH Freeman & Co.

Watson, J D and S P Bell. (2003). *Molecular Biology of the Gene*. 5<sup>th</sup> Edition. Benjamin Cummings Pub Co.

Alberts, B; J Lewis and A Johnson. (2002). *Molecular Biology of the Cell*. 4<sup>th</sup> Edition. Taylor & Francis Inc.

### **SFA3043 Pemrosesan dan Pengawetan Makanan**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar tentang industri pemrosesan makanan tempatan, ciri-ciri yang perlu ada di dalam makanan terproses dan perkara-perkara yang menyebabkan kerosakan makanan. Teknologi untuk memproses dan mengawet makanan akan dibincangkan.

Rujukan:

Brennan, J.G. (2005). *Food Processing Handbook*. Vch Verlagsgesellschaft Mbh

Sastry, S K and B D Cornelius. (2002). *Aseptic Processing of Foods Containing Solid Particulates*. John Wiley & Sons Inc.

Richardson, P. (2001). *Thermal Technologies in Food Processing*. CRC Press.

Barbosa-Canovas, G V and Q H Zhang. (2001). *Pulsed Electric Fields in Food Processing: Fundamental Aspects and Applications*. 2<sup>nd</sup> Edition. CRC Press.

Springett, M B. (2000). *Raw Ingredient Quality in Processed Foods: The Influence of Agricultural Principles and Practices*. Kluwer Academic Pub.

### **SFA3052 Bioteknologi Makanan**

Kursus ini akan mendedahkan kepada pelajar kepada penggunaan mangkin biologi (enzim dan sel) dalam penyediaan makanan, pengubahsuaian makanan dan penghasilan sebatian yang digunakan dalam

makanan. Tajuk-tajuk yang akan diliputi termasuk penyediaan dan pengubahsuaian makanan dan minuman tradisional; pengubahsuaian berenzim ke atas lemak dan minyak, karbohidrat, protein dan bahan-bahan minor; penggunaan biomangkin untuk penghasilan sebatian/metabolit sekunder seperti bahan perisa agen emulsi, perisa, pewarna, gum dan lain-lain, enzim sebagai agen pengesan dalam makanan dan proses makanan; peranan kejuruteraan genetik dan kejuruteraan protein dalam membaiki sifat enzim atau sumber makanan; peraturan yang mengawal penggunaan biomangkin di dalam makanan.

#### Rujukan:

- Kalidas, S. (2005). *Food Biotechnology*. Marcel Dekker.
- Akoh, C C and B M David. (2003). *Food Lipids: Chemistry, Nutrition, and Biotechnology*. Marcel Dekker.
- Lopez, G R G; G V B Canoras and E V Nathan. (2003). *Food Science & Food Biotechnology*. CRC Press.
- Thomas. (2003). *Genes, Trade and Regulation: The Seeds of Conflict in Food Biotechnology*. Princeton University Press.
- Nathan, V E. (2003). *Food Science and Food Biotechnology*. CRC Press.

### SFA3063 Mikrobiologi Makanan

Kursus ini membincangkan tentang kewujudan dan pertumbuhan mikroorganisma makanan yang boleh membawa kepada perubahan negatif seperti kerosakan, ketoksikan dan keracunan makanan atau kepada perubahan positif (produk-produk fermentasi) terhadap bahan makanan dan minuman. Selain itu, kursus ini juga memberi pemahaman tentang peranan mikroorganisma dalam pemprosesan dan pengawetan makanan, hubungan antara mikroorganisma dengan kerosakan makanan serta keracunan dan ketoksikan makanan. Pemahaman tentang mikrob dalam aspek kualiti dan keselamatan makanan juga akan dibincangkan.

#### Rujukan :

- Montville, T.J. & Matthews, K.R. (2005). *Food Microbiology: An Introduction*. ASM Press.
- Doyle, M P, Beuchat, L R and Montville, T J (Editor). (2001). *Food Microbiology: Fundamentals and Frontiers*. 2<sup>nd</sup> Edition. Amer Society for Microbiology
- Lund, B M, T C Baird-Parker and G W Gould. (2001). *The Microbiological Safety and Quality of Food*. 1<sup>st</sup> Edition. Aspen Pub Inc.
- Ray, B. and R Bibek, R. (2001). *Fundamental Food Microbiology*. 2<sup>nd</sup> Edition. CRC Press
- Jay, J M. (2000). *Modern Food Microbiology*. 6<sup>th</sup> Edition. Kluwer Academic Publishers

### SFA3073 Rekabentuk Eksperimen

Kursus ini direka untuk memberi pengetahuan kepada pelajar bagaimana bekerja menggunakan teknik rekabentuk dan menganalisis eksperimen secara umum di dalam sains dan teknologi. Penekanan diberi kepada praktikal dan teori menggunakan analisis varians di dalam merekabentuk eksperimen dan menganalisis keputusan. Objektif kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar mengenalpasti kegunaan rekabentuk eksperimen dan analisisnya yang luas, belajar kebaikan dan kelemahan pelbagai rekabentuk eksperimen, belajar teknik menganalisis dan menterjemahkan data dari pelbagai rekabentuk, dan pandai menggunakan pakej perisian statistik [Minitab] untuk menganalisis data eksperimen yang direkabentuk. Penekanan diberikan juga dalam menggunakan pakej statistik JMP bagi perbincangan analisis. Bahagian pertama kursus ini merangkumi pengenalan kepada pakej statistik JMP, penapisan data, histogram, plot rawak, ujian-T dan juga analisis varians.

#### Rujukan:

Melas, V.B. (2005). *Functional Approach to Experimental Design (Lecture Notes in Statistics)*. Springer.  
 Garcia-Diaz, A and D T Phillips. (2003). *Principles of Experimental Design and Analysis*. Chapman & Hall.  
 Frigon, N L and D Mathews. (2003). *Practical Guide to Experimental Design*. John Wiley & Sons Inc.  
 Toutenburg, H. (2002). *Statistical Analysis of Designed Experiments*. 2<sup>nd</sup> Edition. Springer Verlag.  
 Mason, R L; R F Gunst and J L Hess. (2003). *Statistical Design and Analysis of Experiments, with Application to Engineering & Science*. 2<sup>nd</sup> Edition. Wiley Interscience.

### SFA4013 / SFA4023 Tesis I / II

Setiap pelajar tahun akhir dikehendaki menjalankan projek penyelidikan di bawah penyeliaan seorang pensyarah. Sebelum menjalankan kajian, pelajar mesti menyampaikan kertas cadangan masing-masing secara lisan bersama seminar yang akan diatitkan oleh penyelaras kursus. Hasil dari penyelidikan ini akan dikemukakan kepada fakulti dalam bentuk tesis sebagai memenuhi syarat separa mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) dan untuk dinilai.

### SFA4033 Mikrobiologi Industri

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pelbagai aspek dalam mikrobiologi industri. Ini termasuklah

morfologi, struktur dan sifat asas bacteria, kulat, yis dan protozoa. Pengkelasan mikroorganisma. Pemeriksaan fisiologi mikroorganisma, perbincangan energetik pertumbuhan, metabolisma dan regulasi enzim, dan kepentingan serta penggunaan praktikal pengetahuan ini. Kepelbagaian dan ekologi mikroorganisma dan kaitannya dalam program penyaringan dan pemencilan. Penggunaan mikroorganisma dalam pelbagai industri seperti industri makanan, pertanian, proses fermentasi (tradisional dan moden) dan alam sekitar (biodegradasi, bioremediasi, kawalan, serangga dan perkaitan tumbuhan dan mikroorganisma). Peningkatan strain melalui kaedah mutasi dan kejuruteraan genetik juga akan dibincangkan.

#### Rujukan:

- Bitton, G. (2005). *Wastewater Microbiology*. 3<sup>rd</sup> Edition. Wiley-Liss
- Roberts, S D; M Greenwood and P L Cole. (2004). *Practical Food Microbiology*. 3<sup>rd</sup> Edition. Blackwell Pub.
- Prescott, L M M; D A Klein and J P Harley. (2004). *Microbiology*. 6<sup>th</sup> Edition. McGraw Hill Higher Education.
- Tortora, G J J; C L Case and B R Funke. (2003). *Microbiology: An Introduction*. Benjamin Cummings Pub Co.
- Ahmed Elmeleigy Elmeleigy Yousef and C Carlstrom. (2001). *Food Microbiology: A Laboratory Manual*. John Wiley & Sons Inc.

#### **SFA4043 Pemprosesan Hiliran**

Kursus ini meliputi kaedah pemulihan dan penulenan di dalam pemprosesan hiliran bagi hasil fermentasi. Pemisahan sel secara mekanikal daripada kaldu fermentasi. Pengenapan terhalang di dalam medan graviti, medan emparan dan penurasan. Pemecahan sel melalui cara-cara mekanikal, lisis dan nyahairan. Pengekstrakan mekanikal secara arus lawan dan pelbagai tahap pengekstrakan cecair. Cara pemisahan awal, pengasingan asid nukleik dan pemendakan. Penyulingan. Teknik peleraian tinggi yang meliputi penurasan ultra, osmosis songsang dan kromatografi. Penukaran-ion dan penyerapan. Proses penghabluran, penyejatan, pengeringan dan pemulihan larut.

#### Rujukan:

- Watson, J.L. & Caldwell, M.L. (2005). *The Cultural Politics of Food and Eating*. Blackwell Publisher.
- Passman, F J. (2003). *Fuel and Fuel System Microbiology, Fundamentals, Diagnosis, and Contamination Control*. Amer Society for Testing.

- Chrissis, M B; M Konrad and S Shrum. (2003). *CMMI Guidelines for Process Integration and Product Improvement*. Addison Wesley Longman Inc.
- Cooper, R G. (2001). *Winning at New Products: Accelerating the Process from Idea to Launch*. 3<sup>rd</sup> Edition. Perseus Pub.
- Crowl, D A; J F Louvar. (2001). *Chemical Process Safety: Fundamentals with Applications*. 2<sup>nd</sup> Edition. Prentice Hall.

### **SFA4052 Pembangunan Produk**

Kursus ini akan menjelaskan aktiviti yang terlibat dalam penghasilan produk baru seperti penjanaan dan penyaringan idea, konsep produk, ujian konsep, analisis fisibiliti teknologi dan perniagaan, penghasilan produk perintis, ujian pasaran dan pelancaran produk. Sebab-sebab kejayaan serta strategi meningkatnya, dan sebab-sebab kegagalan serta strategi setiap peringkat untuk mengatasinya. Peranan pengiklanan dan promosi dalam menjayakan produk baru juga akan dibahas.

#### Rujukan:

- Moskowitz, H.R., Porretta, S. & Silcher, M. (2005). *Concept Research In Food Product Design And Development*. Blackwell Publishers
- Annacchino, M A. (2004). *New Product Development: From Initial Idea to Product Management*. Butterworth Heinemann.
- Marc, A A. (2004). *New Product Development: From Initial Idea to Product Management*. Butterworth Heinemann.
- Wenzel, H; A Leo and H Michael. (2003). *Environmental Assessment of Products, Volume 1: Methodology, Tools and Case Studies in Product Development*. Kluwer Academic Pub.
- Side, C. (2003). *Food Product Development: Based on Experience*. Iowa State University Press.

### **SFA4062 Kejuruteraan Genetik**

Kursus ini memberi pengetahuan di dalam teknik-teknik asas untuk manipulasi/pengklonan gen. Prosedur yang telah dibangunkan untuk pengklonan, penyaringan dan pengenalpastian gen asing di dalam *Escherichia coli* akan dibentangkan. Topik-topik yang diliputi termasuk vektor pengklonan, pembatasan dan percantuman antara vektor dan selitan DNA, transformasi ke dalam sel kompeten dan penyaringan DNA yang telah diklonkan. Teknologi PCR dan penjujukan DNA akan juga dibentangkan.

Rujukan:

- Tourte, Y & Tourte, C. (2005). *Genetic Engineering And Biotechnology: Concepts, Methods And Agronomic Applications*. Science Publishers Inc.
- Spangenburg, R and D Moser. (2003). *Genetic Engineering*. Benchmark Investigative Group.
- Parker, S. (2002). *Genetic Engineering*. Thameside Press.
- Press, G and L Yount. (2002). *Genetic Engineering*. Gale Group.
- Hil, W E and R Bonnett. (2002). *Genetic Engineering: A Primer*. Taylor & Francis.

**SFA4073 Keselamatan dan Perundangan Makanan**

Kursus ini akan membincangkan tentang pelbagai sistem keselamatan yang lazim diamalkan oleh industri makanan bagi memastikan produk yang dikeluarkan adalah selamat dan berkualiti. Sistem yang berkaitan adalah amalan pengeluaran baik (GMP) dan analisis bencana titik kawalan kritis (HACCP). Perundangan makanan di Malaysia juga akan dibincangkan. Antaranya akta peraturan dan piawai makanan di Malaysia, Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985 termasuk pentadbiran dan penguatkuasaan, perlantikan juruanalisa dan pegawai berkuasa, kuasa dan prosedur mengambil sampel, piawaian, pembungkusan dan perlabelan makanan, bahan tambah dan zat makanan, kuasa membuat peraturan, pendakwaan serta pemanggilan balik produk. Undang-undang Malaysia lain yang berkaitan dengan industri makanan serta peranan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Codex Alimentarius dan pergerakan pengguna juga akan dibincangkan. Perundangan makanan di negara-negara lain yang digubal oleh badan-badan antarabangsa juga akan difahami. Mekanisme penggubalan perundangan dan piawai makanan juga akan diolah.

Rujukan :

- Stier, R.F. (2005). *Sanitation and GMP Compliance: Prerequisites to Food Safety and Quality (Food Science and Technology)*. Marcel Dekker Inc.
- Schmidt, R H and G E Rodrick. (2003). *Food Safety Handbook*. John Wiley & Sons Inc.
- Vasconcellos, J A. (2003). *Quality Assurance for the Food Industry: A Practical Approach*. CRC Press.
- Loken, J K. (2003). *The HACCP Food Safety Manual*. John Wiley & Sons Inc.
- Pence, G E. (2002). *Ethics of Food: A Reader for the 21<sup>st</sup> Century*. 304<sup>th</sup> Edition. Rowman & Littlefield Pub Inc.

## SFA4083 Analisis Sensori

Kursus ini memperkenalkan bagaimana menghuraikan, menganalisis dan menilai produk makanan dengan menggunakan panel manusia dalam pemrosesan dan pembangunan produk makanan. Analisis sensori ini merangkumi ujian bau, rasa serta teknik sensori menggunakan kaedah ujian berpasangan, segitiga, organoleptik, hedonik, deskriptif dengan menggunakan panel pengguna, panel tidak terlatih dan panel terlatih. Ujian sensori penting untuk menilai sesuatu produk makanan itu, samada ia diterima oleh pengguna atau sebaliknya dari segi warna, aroma, tekstur serta rupabentuk produk.

### Rujukan:

- Moskowitz, H.R., Porretta, S. & Silcher, M. (2005). *Concept Research In Food Product Design And Development*. Blackwell Publisher.
- Stone, H. & Sidel, J. (2004). *Sensory Evaluation Practices*. 3<sup>rd</sup> Edition. Academic Press
- Aminah Abdullah. (2000). *Prinsip Penilaian Sensori*. Bangi: Penerbit UKM
- Heymann, H. & Lawless, H. T. (2001). *Sensory Evaluation of Food: Principles and Practices*. 2nd Edition. Aspen Publishers, Inc.
- Meilgaard, M. Civille, G. V. & Carr, B. T. (1999). *Sensory Evaluation Techniques*. 3<sup>rd</sup> Edition. CRC Press

## SFA4091 Seminar Kepujian

Pelajar dikehendaki membentang satu seminar mengenai projek penyelidikan tahun akhirnya dan juga menghadiri seminar yang ditetapkan oleh penyelarass kursus mengenai teknik-teknik penyediaan dan penyampaian bahan seminar, dan tentang topik-topik dalam bioteknologi.

## B. Sains Aktuari & Pengurusan Risiko

### SRA1013 Kalkulus I

Kursus Kalkulus 1 diajar dalam semester pertama daripada dua semester Kalkulus yang terdiri daripada Kalkulus pembezaan dan kamiran. Silabus bermula daripada imbasan (review) nombor nyata, nilai mutlak, ketaksamaan, garis, dan fungsi eksponen serta fungsi trigonometri. Diikuti pula dengan konsep asas serta teknik fungsi songsangan, logaritma dan trigonometri songsang; tangen dan

halaju; had; hukum penghad dan takrifan had; keselantaran; teorem nilai pertengahan; ketakterhinggaan; asimptot; kadar perubahan; terbitan; rumus pembezaan, terbitan fungsi eksponen; terbitan fungsi trigonometri; aturan rantai, pembezaan implicit; terbitan logaritma dan fungsi trigonometri songsang, terbitan lebih tinggi; kadar berkaitan; anggaran linear, kaedah Newton;  $L'H\hat{V}$  aturan opital; max dan min; teorem nilai min;  $f'(x)$ ,  $f''(x)$  dan graf  $f$ ; lakaran graf, max/min gunaan; antiterbitan; luas, jarak, notasi sigma; kamiran tetap; teorem asas kalkulus; aturan penggantian; pengiraan luas; dan logaritma ditentukan sebagai integer.

#### Rujukan:

- Weir, G B; J Hass & F R Giordano. 2005. Thomas' Calculus. 11<sup>th</sup> edition. Pearson Addison Wesley.  
 Anton, H A. 2005. Calculus: Early Transcendentals - Study Guide. John Wiley & Sons Inc.  
 Anton, H A. 2005. Calculus: Late Transcendentals - Study Guide. John Wiley & Sons Inc.  
 Anton, H A. 2005. *Calculus: Multivariable Edition – Study Guide*. John Wiley & Sons Inc.  
 Bittinger, M L. 2003. *Calculus and Its Applications*. 8<sup>th</sup> edition. Addison Wesley.  
 Stewart, J. 2002. *Single Variable Calculus: Early Transcendentals*. 5<sup>th</sup> edition. Brooks/Cole.

### **SRA1023 Kalkulus II**

Kursus ini adalah sambungan kepada Kalkulus 1 yang ditawarkan pada semester pertama. Pada dasarnya, ia memperkenalkan teknik pengkamiran tambahan, dan anggaran berangka pengkamiran; juga aplikasi jadual kamiran. Aplikasi lanjutan pembeza. Juga merupakan pengenalan kepada persamaan pembezaan dan medan cerun, dan penyelesaian permulaan. Pengenalan kepada fungsi beberapa pemboleh ubah, pembezaan separa, dan pengkamiran berganda. Silabus meliputi imbasan (review), isipadu; kerja, nilai purata; pengkamiran sebagian-sebagian; pengkamiran trigonometri, penggantian trigonometri; pecahan separa, strategi pengkamiran; anggaran bagi kamiran; kamiran tak wajar, panjang lengkok, luas permukaan; persamaan pembezaan, medan arah (bukan kaedah Euler), persamaan boleh pisah; pertumbuhan eksponen; siri, jujukan, ujian pengkamiran, anggaran; ujian perbandingan; siri berselang seli, penumpuan mutlak; ujian nisbah dan punca, strategi; siri kuasa; perwakilan fungsi oleh siri kuasa; siri Taylor dan Maclaurin; siri binomial; aplikasi siri Taylor; persamaan parametrik, garis tangen, panjang lengkok; dan kalkulus di dalam koordinat polar.

#### Rujukan:

- Weir, G B; J Hass & F R Giordano. 2005. Thomas' Calculus. 11<sup>th</sup> edition. Pearson Addison Wesley  
 Anton, H A. 2005. *Calculus: Early Transcendentals - Study Guide*. John Wiley & Sons Inc.

- Anton, H A. 2005. *Calculus: Late Transcendentals - Study Guide*. John Wiley & Sons Inc.
- Anton, H A. 2005. *Calculus: Multivariable Edition – Study Guide*. John Wiley & Sons Inc.
- Bittinger, M.L. 2003. *Calculus and Its Applications*. 8<sup>th</sup> edition. Addison Wesley.
- Stewart, J. 2002. *Multivariable Calculus*. 5<sup>th</sup> edition. Wadsworth Publishing.

### SRA1033 Mikroekonomi

Kursus ini merangkumi bidang ekonomi yang biasanya didefinisikan sebagai mikroekonomi dimana ianya mengambil berat dengan bahagian-bahagian ekonomi individu seperti perniagaan individu atau industri, pengguna individu dan produk individu. Objektif kursus ini ialah untuk mengkaji sama ada ekonomi menggunakan sumber-sumber terhad untuk memperolehi kepuasan semaksimal yang boleh untuk masyarakat. Kursus ini juga menekankan tiga objektif; peruntukan kecekapan, kecekapan penghasilan dan ekuiti menurut bidang-bidang tersebut: *Unit 1*: Pengenalan kepada ekonomi, kecekapan dan sistem pasaran ( natural dan kaedah ekonomi dan 5 Es, permasalahan ekonomi: membuat pilihan, memahami pasaran individu: permintaan dan bekalan, kapitalism sebenar dan sistem pasaran: pasaran dan 5 Es, ekonomi global di Amerika Syarikat, fungsi ekonomi kepada kerajaan and 5 Es); *Unit 2*: Keputusan pengguna dan kos pengeluaran ( menentukan berapa banyak atau keanjalan, keputusan pengguna, keputusan pengeluar: kos pengeluaran). *Unit 3*: Pasaran produk: membuat keputusan dan kecekapan (keputusan pengeluar: kebaikan – persaingan tulen, keputusan pengeluar, monopoli dan ketidakcekapan, persaingan monopolistik dan oligopoli; dan *Unit 4*: Sumber pasaran: membuat keputusan, kecekapan dan ekuiti (persaingan sumber pasaran dan kecekapan, model pasaran buruh dan kecekapan, ekuiti:ketidakseimbangan pendapatan dan kemelaratan, ketidakcekapan, penggabungan, diskriminasi dan undang-undang immigrasi).

#### Rujukan:

- Ayers, R M. 2005. *Microeconomics: Explore and Apply*. Prentice Hall.
- Besanko, D. 2005. *Microeconomics*. John Wiley & Sons Inc.
- Case, K E. 2005. *Principles of Microeconomics*. Prentice Hall.
- Katz, M. 2005. *Microeconomics*. McGraw-Hill Education.
- McEachern, W A. 2005. *Microeconomics: A Contemporary Introduction*. South Western College Publishing.

## SRA1043 Makroekonomi

Hampir setiap hari terdapat laporan berita tentang masalah-masalah dan kejayaan ekonomi dimerata dunia. Banyak negara diseluruh dunia mengalami perubahan ekonomi, biasanya dikenali sebagai polisi perubahan struktur dimana ketua-ketua kerajaan percaya mereka boleh memberikan rakyatnya dengan kadar pengangguran yang rendah dan piawai rendah yang tinggi. Program-program seperti ini biasanya mengambil kira bahagian pemprosesan yang dinamakan globalisasi. Kursus ini merangkumi ekonomi yang bisanya didefinasikan sebagai makroekonomi. Objektif utama makroekonomi ialah untuk meningkatkan pemahaman yang lebih baik tentang penyebab dan penawar, pengangguran dan inflasi serta faktor-faktor yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi. Isu-isu makroekonomi didalam konteks antarabangsa akan menekankan bantuan untuk memahami perubahan ekonomi yang dialami oleh kebanyakan negara . Kursus ini menumpukan kepada: mengapa dunia berubah kepada kapitalisma (perubahan ekonomi , pengenalan kepada ekonomi global, kapitalism asal dan sistem pasaran: bekalan dan permintaan, kecekapan dan pertukaran atau perdagangan); pengangguran, inflasi dan pertumbuhan ekonomi (kewangan kerajaan, model makroekonomi; AS dan AD, pengangguran, inflasi, pertumbuhan ekonomi, mengukur ekonomi, pertumbuhan dan negara-negara yang kurang membangun), polisi fiskal dan kewangan (polisi fiskal dan pengganda proses, polisi kewangan). Kursus ini juga menekankan interaksi diantara sistem ekonomi kita dan sistem ekonomi negara-negara lain kerana ianya sangat menarik untuk memahami bagaimana ekonomi saling bergantung diantara satu sama lain.

### Rujukan:

Ayers, R M. 2005. *Macroeconomics: Explore and Apply*. Prentice Hall.

Case, K E. 2005. *Principles of Macroeconomics*. Prentice Hall.

McEachern, W A. 2005. *Macroeconomics: A Contemporary Introduction*. South Western College Publishing.

Arnold, R A. 2005. *Macroeconomics*. South Western College Publishing.

Hall, R E. 2005. *Macroeconomics: Theory, Performance and Policy*. W W Norton & Company Ltd.

## SRA2013 Perakaunan Kewangan

Kursus ini memfokuskan kepada akaun kewangan dimana maklumat kewangan diberikan kepada pembuat keputusan luar daripada entiti. Maklumat kewangan ini membekalkan pembuat keputusan daripada luar dengan keputusan operasi pernyataan pelbagai guna, posisi kewangan dan aliran tunai.

Kursus ini menekankan penggunaan teori akaun, piawai, prinsip dan prosedur permasalahan akaun. Dasar rasional untuk pelbagai aspek akaun kewangan ditekankan. Kursus ini merangkumi : 1. Akaun: bahasa perniagaan ( persekitaran akaun, akaun dan penggunaannya didalam keputusan perniagaan, model akaun dan kod-kod etika professional; 2. Maklumat pemprosesan akaun, penyediaan kertas kerja, penutup kemasukan, kertas imbalan dan pernyataan pendapatan, urusan perdagangan dan pengenalan kepada pencipta, mengukur dan membuat laporan pencipta; 3. Aset dan liabiliti (kawalan tunai, kebolehbayaran dan kebolehpenerimaan, harta, loji dan alatan, dan penyusunan loji aset, sumber-sumber semulajadi dan aset yang tidak wujud dalam bentuk yang dapat dikesan oleh deria ; 4. Teori akaun; 5. Kerjasama akaun; 6. Pelaburan stok; dan 7. Kewangan jangka panjang. Pelajar memperoleh pengetahuan asas tentang bahasa perniagaan.

#### Rujukan:

- Harrison, W T & C T Horngren. 2005. *Financial Accounting*. Prentice Hall.
- Weetman, P; P W Gordon & C B Roberts. 2005. *International Financial Accounting*. Prentice Hall.
- Larson, K D; J J Wild & B Chiappetta. 2004. *Fundamental Accounting Principles*. 17<sup>th</sup> edition. Irwin/McGraw-Hill.
- Werner, M L & K H Jones. 2003. *Introduction to Accounting (Combined): A User Perspective*. 2<sup>nd</sup> edition (1-semester text). Prentice Hall.
- Anthony, R N & L P Breitner. 2003. *Core Concepts of Accounting*. 8<sup>th</sup> edition (1-semester text). Prentice Hall.

#### **SRA2023 Aljabar Linear**

Kursus ini memperkenalkan pelbagai konsep asas aljabar linear yang terbit dan dijelaskan melalui contoh kemunculan asal-usul dan kegunaannya. Konsep ruang vektor atau ruang linear serta hubungannya dengan sistem persamaan linear dan matriks. Penghapusan Gauss. Ruang vektor atau linear. Sub-ruang. Gabungan linear. Set rentangan. Set bersandar linear dan merdeka linear. Asas, matra dan penukaran asas. Sistem koordinat/rujukan. Hasil darab terkedalam. Vektor ortogon. Norma; hukum Pithagorasan, unjuran skalar, unjuran vektor, ketaksamaan Cauchy-Schwarz. Ruang linear bernorma. Vektor ortonormal, proses pengortogonan Gram-Schmidt. Penjelmaan linear dan matriks perwakilan. Nilai eigen dan vektor eigen. Polinomial cirian. Hasil darab dan tambah nilai eigen. Nilai eigen bagi matriks serupa, ortogon, uniter, simetri dan Hermitean. Menyelesaikan sistem persamaan terbitan linear. Teorem Cayley-Hamilton.

Rujukan:

- Pepe, M. (2005). *Visual Linear Algebra*. John Wiley & Sons Inc.  
Olver, P J & C Shakiban. (2005). *Applied Linear Algebra*. Prentice Hall.  
Anton, H A (2005). *Elementary Linear Algebra*. 9<sup>th</sup> edition. John Wiley & Sons Inc.  
Penny, R C (2004). *Linear Algebra: Ideas and Applications*. 2<sup>nd</sup> edition. John Wiley & Sons Inc.  
Bretscher, O. (2004). *Linear Algebra with Applications*. John Wiley & Sons Inc.

**MFA2013 Pengurusan Kewangan**

Status kewangan dan persaingan syarikat keatas mana-mana masa biasanya merujuk kepada keputusan pengurusan. Didalam kursus ini, pelajar akan diperjelaskan bagaimana untuk menggunakan beberapa model kewangan dimana ianya menyediakan rangka teori bunyi untuk menganalisis tiga jenis keputusan kewangan yang dihadapi pengurus kewangan. Kursus ini merangkumi elemen kewangan, analisis pernyataan kewangan, kesan operasi kewangan, pasaran kewangan, nilai masa kewangan (satu dan pelbagai aliran tunai, konsep anuiti dan perpetuiti, kompoun dan pinjaman 'amortization'), asas statistik, risiko dan pulangan (konsep permulaan, teori potfolio moden, beta and CAPM), nilai ikatan, nilai stok, kos pembuatan dan keputusan perbelanjaan pembuatan. Sebagai tambahan, etika pimpinan dan isu global yang berkaitan dengan konsep teras didalam kursus ini akan diteroka.

Rujukan:

- Baker, K; E Benrud & G Powell. 2005. *Understanding Financial Management: A Practical Guide*. Blackwell Publishers.  
Shapiro, A C. 2004. *Foundations of Multinational Financial Management*. John Wiley & Sons Inc.  
Knott, G. 2004. *Financial Management*. Palgrave Macmillan.  
Tapiero, C. 2004. *Risk and Financial Management*. John Wiley & Sons Inc.  
Keown, A J. 2004. *Financial Management: Activebook*. Prentice Hall.

**MBC4013 Takaful dan Insurans**

Kursus ini memberi pengenalan kepada prinsip keislaman dalam insuran islam atau lebih dikenali sebagai takaful. Penekanan diberikan kepada dua jenis takaful, takaful kekeluargaan dan takaful umum. Perbandingan akan dibuat kepada produk dan servis yang diberikan oleh takaful kepada masyarakat Islam dan juga sistem insuran biasa dan servis yang disdiakan. Kursus ini meliputi;

